

Gurauan boleh bawa padah

Rektor Kuin ingatkan pelajar hati-hati apabila muat naik status media sosial

ALOR SETAR - Mahasiswa dinasihatkan tidak memuatnaik status sebarangan dalam media sosial meskipun ia bersifat gurauan kerana memberi akan impak kepada masyarakat.

Rektor Kolej Universiti Insaniah (Kuin), Datuk Mohd Yusof Kasim berkata, media sosial dilihat mudah memberi kesan terhadap generasi X dan Y di mana segelintir mereka menulis sesuka hati tanpa memikirkan kesan tindakan itu.

"Sedangkan gurauan sekalipun mampu boleh memberi kesan negatif kepada pihak lain. Seharusnya, golongan seperti mahasiswa ini membuktikan kebenaran sesuatu maklumat diperoleh mereka, sebelum membuat sebarang komen," katanya.

Beliau berkata sedemikian ketika merasmikan Majlis Wacana Merdeka 2014 anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Biro Tata Negara (BTN) Kedah di Dewan Sultan Abdul



Dari kiri: Dr Zainal, Dr Kasri, Dr Ahmad Sohaimi dan Mohd Hasri.

Halim Mu'adzam Shah, di sini baru-baru ini.


Turut hadir, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Kuin, Datuk Ahmad Fisol Mohd Noor dan moderator wacana, Prof Madya Dr Ahmad Sohaimi Lazim.

"Jadi, program sebegini mampu memberi kefahaman mengenai erti sebenar merdeka, sekaligus menjiwaikannya. Namun, bukannya bermusim, sebaliknya ia perlu sepanjang masa," katanya.

Oleh itu, katanya, kita sepatutnya

tahu mengapa perkara seperti sejarah dan rukun negara penting, malah pengajaran disebalik kewujudannya.

Dalam majlis itu, Ketua Kluster Sejarah Warisan dan Sosiobudaya, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Zainal Kling, Ahli



Mohd Yusof merasmikan wacana Merdeka.

Jawatankuasa Induk Persatuan Sejarah Malaysia, Dr Kasri Saidon dan Pengarah BTN Kedah, Mohd Hasri Mohd Hadzir menjadi panel wacana berkenaan.

Wacana dihadiri 300 pelajar diadakan demi memberi peluang kepada golongan siswa menerjemahkan semangat kemerdekaan dalam bentuk penghayatan, kesedaran dan kesyukuran akan erti nilai merdeka yang sebenarnya.